

**TPM Taman Perintis**

KOSMO

10 Mei 2017 | Rabu





Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM  
Foto FAIRUZ IZYANA AYUB dan IHSAN TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA

**RENCANA UTAMA**



KOMPLEKS TPM dilengkapi dengan gimnasium.

PEMBANGUNAN teknologi di TPM dilakukan dengan bimbingan mentor yang berpengalaman.



Taman Teknologi Malaysia menyediakan program khusus untuk membantu usahawan dalam bidang teknologi dan inovasi dengan menyediakan mentor dan fasiliti lengkap untuk menghasilkan produk berdaya saing.

# Cipta teknologi bertaraf dunia

PENGALAMAN membantu majlis perkahwinan seorang sahabat telah mencetuskan idea kepada Yusno Yunos, 36, untuk memulakan perniagaan berkaitan bidang perisian komputer apabila sistem pengurusan acara yang dibangunkannya telah melancarkan urusan majlis tersebut.

Menurut anak jati Kuala Lumpur itu, pada awalnya beliau hanya membangunkan perisian tersebut sekadar suka-suka dan pada masa sama membantu memudahkan proses menjemput tetamu ke majlis perkahwinan berkenaan.

"Melihatkan hasil yang menakjubkan itu, membuatkan saya mengambil keputusan untuk mengembangkan perisian asas itu kepada yang lebih kompleks untuk kegunaan pelbagai acara. Idea tersebut telah dibentangkan kepada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan mereka sangat menyukainya lalu diberi geran RM150,000 untuk membangunkan produk tersebut," katanya kepada Kosmo! ketika ditemui di pejabatnya di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Bukit Jalil, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bertitik tolak daripada itu, Yusno menubuhkan syarikat miliknya yang dikenali sebagai Y Us Sdn. Bhd. pada tahun 2010.

Menandatangani masih baharu dalam bidang perniagaan, kekurangan ilmu dan jaringan pemasaran, Yusno telah menempuh perjalanan yang sukar pada peringkat awal.

Bagaimanapun, segalanya berubah apabila beliau mengikuti Skim Inkubator Inovasi dan Pengkomersialan yang dikendalikan oleh Pusat Inovasi Inkubasi, TPM.

Yusno yang berkelulusan dalam Ijazah Sarjana Muda Sistem Informasi dan Sarjana Muda Pengurusan Sistem Informasi dari Carnegie Mellon University, Amerika Syarikat sudah berjaya melebarkan sayap perniagaannya ke Singapura serta Indonesia.

Mengulas lanjut mengenai perniagaannya, bapa kepada dua

orang cahaya mata itu memberitahu, syarikatnya memberikan perkhidmatan perisian untuk sistem pengurusan pelbagai acara seperti kegunaan persidangan, seminar dan karnival sukan.

Kini, Yusno sedang giat menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan pengenalan wajah. Jika ia berjaya, ini bermaksud orang yang hadir ke majlis akan diimbas muka untuk pengesahan kehadiran tanpa perlu membawa kad seperti kebiasaannya.

Syarikat tersebut juga meluaskan perkhidmatannya dengan membina portal khas yang mengumpul tempat-tempat menarik untuk dijadikan lokasi pelbagai acara di seluruh dunia. Ia boleh dilayari di [www.yusno-ville.com](http://www.yusno-ville.com).

Melihatkan prestasi cemerlang tersebut, maka tidak hairanlah syarikat itu menerima pelbagai pengiktirafan seperti *Winner Of MSC Malaysia APICTA Award-Best Of Infrastructure and Tool Application* pada tahun 2011 dan *Best of*

*Hospitality and Tourism Application* tahun 2013.

Berkonsepkan taman bijau, TPM mempunyai keluasan 686 hektar dan terdapat 13 buah kompleks yang turut dijadikan ibu pejabat syarikat-syarikat gergasi teknologi dari dalam serta luar negara.

TPM diuruskan oleh Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.

**Peranan**

TPM berperanan membantu dan membimbing syarikat-syarikat teknologi untuk mengembangkan perniagaan mereka menerusi Program Inkubator dan Pembangunan Teknoprenur.

Usahawan yang mengikuti program inkubasi akan berada di TPM sekurang-kurangnya lima tahun dan diganti dengan syarikat baharu untuk memberi peluang kepada semua orang terlibat dalam bidang ini.

Menikmati manfaat yang sama di TPM, seorang lagi usahawan di bawah program tersebut, Amir Ahmad, 49, yang juga merupakan Presiden Amiran Technology Sdn. Bhd. bersyukur generator hibrid penjimatan minyak dikenali sebagai *Oxy Hydro Hybrid Cell* barjaya dihasilkan selepas tujuh tahun.

"TPM mempunyai mesin canggih untuk menghasilkan produk akhir yang terbaik apatah lagi bimbingan daripada pakar-pakar dalam bidang ini telah menambah nilai ciptaan tersebut sehingga menarik minat negara-negara luar."

TAMAN teknologi seluas 686 hektar ini menempatkan 13 buah kompleks.



YUSNO



GENERATOR yang dihasilkan oleh syarikat Amiran Technology Sdn. Bhd. mampu menghasilkan minyak sebanyak 15 hingga 40 peratus.





TAMAN Teknologi Malaysia merupakan pusat menghimpunkan usahawan teknologi dan turut menjadi ibu pejabat bagi syarikat-syarikat teknologi terkemuka dalam mahupun luar negara.

YUSNO (duduk) bergambar bersama kakitangan di pejabatnya di TPM, Bukit Jalil, Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Generator mudah alih tersebut dapat menjimatkan kos bahan api, meningkatkan prestasi kenderaan dan mesra alam," terang anak kelahiran Jitra, Kedah itu yang mengikuti program inkubasi pada tahun 2014.

**Jimat minyak**

Cerita bapa kepada lima orang cahaya mata itu, generator tersebut boleh menjimatkan minyak sebanyak 15 hingga 40 peratus bergantung pada cara penggunaannya dan jenis kenderaan.

Ujarnya yang berpengalaman 25 tahun dalam industri kejuruteraan dan automotif, inovasi penciptaan generator itu telah mendapat pengiktirafan Sijil Hijau Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan menerima Skim Galakan Taraf Perintis daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Amiran Technology Sdn. Bhd. turut merancang untuk mengembangkan teknologi generator tersebut bagi digunakan jentera berat dan bot laut dalam.

Sementara itu, Naib Presiden Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Taman, TPM, Shahazman Abu Samah berkata, tempat



AMIR

tersebut dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 1 September 1996.

"Taman ini dibina bagi tujuan merangsang dan memperkatakan pembangunan negara dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

"Selain itu, ia juga bermatlamat untuk mengembang dan melahirkan usahawan dalam bidang tersebut menerusi pengkomersialan teknologi baharu dan mencipta inovasi," terangnya.

Kluster utama TPM adalah teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi, kejuruteraan dan teknologi hijau. Berdasarkan perkara itu, perkhidmatan inkubasi (bimbingan) dilaksanakan oleh Pusat Inkubator Inovasi dan Pusat Inkubator Biotech.

TPM Biotech menyediakan fasiliti pengeluaran peralatan perkilangan, perkhidmatan berasaskan bioteknologi, teknologi hijau, runding cara dan makmal halal, perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan serta memberi khidmat nasihat kepada para usahawan berhubung pelbagai aspek bioteknologi. Jelas Shahazman lagi, program inkubasi itu penting bagi meminimumkan

risiko selain melengkapkan usahawan dengan ilmu perancangan kewangan, pemasaran serta perniagaan.

**Perkongsian pintar**

"Perniagaan dalam bidang ini agak sukar dilakukan oleh usahawan baharu kerana pembangunan idea boleh didapati menerusi pengalaman, maka kami menyediakan mentor yang berpengalaman luas untuk membantu mereka.

"Selain itu, antara bantuan lain yang disediakan ialah jaringan pemasaran, pusat penyelidikan dan pembangunan produk, premis perniagaan, mendapatkan dana serta tempat mengadakan pameran," tuturnya.

Tambah Shahazman, TPM mengadakan perkongsian pintar dengan rakan-rakan di taman teknologi seluruh dunia dan perkara ini akan menguntungkan usahawan yang bernaung di bawahnya kerana mendapat manfaat jaringan pemasaran global. Sehingga kini, TPM telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa buah negara seperti Singapura, Thailand, Filipina, Hong Kong, Korea Selatan, China dan Indonesia.

Menjangkau usianya yang ke-21 tahun, TPM telah melahirkan lebih 3,000 usahawan yang berjaya mencipta nama dalam pelbagai bidang di dalam dan di luar negara.

**INFO** Taman Teknologi Malaysia

■ Alamat: Taman Teknologi Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur  
 ■ Laman web: www.tpm.com.my  
 ■ Telefon: 03-8998 2020

**Y Us Sdn. Bhd.**

■ Alamat: Tingkat 2, Resource Centre, Taman Teknologi Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur  
 ■ Laman web: www.yus.com  
 ■ Telefon: 03-8992 3132

**Amiran Technology Sdn. Bhd.**

■ Alamat: Lot G2, Enterprise 2, Taman Teknologi Malaysia, 57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur  
 ■ Laman web: www.amirantech.com  
 ■ Telefon: 03-8956 4268/8064

# TPM bimbing usahawan baharu

BERGELAR usahawan bukanlah perkara mudah kerana mereka perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan selok-belok sesebuah perniagaan yang bakal diusahakan.

Sehubungan itu, Taman Teknologi Malaysia (TPM) mengendalikannya dua pusat inkubator perniagaan iaitu Pusat Inkubator Inovasi dan Pusat Inkubator Bioteknologi untuk membimbing para usahawan. Pengurus Inkubator dan Pembangunan Teknoprenur,



AMIR ROHAIZAT

Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Taman, TPM, Amir Rohaizat Meor Razak, 49, berkata, bimbingan dalam bidang perniagaan sangat penting, terutamanya bagi usahawan baharu.

"Kami mengalu-alukan sesiapa sahaja untuk mendaftar sebagai bimbingan di bawah program inkubator TPM sama ada orang perseorangan, graduan, peminat, penyelidik, dan syarikat-syarikat bagi membangunkan perniagaan

berasaskan teknologi di negara ini. "Di sini, kami mempraktikkan empat kaedah bimbingan yang dipanggil CMTIC iaitu Kejurulatihan, Pemantauan, Lstihan dan Konsultasi," katanya ketika dihubungi Kosmo! baru-baru ini.

Isu dan masalah perniagaan yang dihadapi oleh para usahawan adalah berbeza dan unik. Oleh itu, satu kaedah sahaja tidak mencukupi untuk menyelesaikan semua permasalahan yang dihadapi.

Usahawan Inkubator TPM atau dikenali sebagai inkubatee akan dibimbing mengikut pendekatan

yang berbeza mengikut keperluan masing-masing.

Melalui kaedah kejurulatihan, inkubatee akan dibimbing oleh jurulatih perniagaan yang bertauliah. Kaedah pemantauan pula, mentor akan berkolaborasi pengalaman dengan para inkubatee.

Sesi latihan dalam kelas dan khidmat nasihat pakar runding juga merupakan kaedah berkesan untuk membantu kapasiti para usahawan.

Melalui inisiatif Program Pemantauan Stageszer TPM, lebih 100 orang usahawan berjaya telah mendaftar sebagai mentor.